

D.R. 27/2025

RANG UNDANG-UNDANG PEKERJA GIG 2025

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERJANJIAN PERKHIDMATAN

3. Perjanjian perkhidmatan
4. Kecualian bagi perjanjian perkhidmatan sedia ada
5. Terma dan syarat yang mengatasi
6. Kesahan terma dan syarat
7. Perkara yang tidak diperuntukkan di bawah Akta ini

BAHAGIAN III

PEKERJA GIG

8. Hak pekerja gig
9. Larangan terhadap entiti kontrak berkenaan dengan perbuatan tertentu
10. Hak pekerja gig untuk menyertai, mengambil bahagian dalam atau menubuhkan persatuan pekerja gig
11. Hak bagi pendapatan
12. Potongan pendapatan, tip dan ganjaran
13. Hak untuk diberikan slip pendapatan

Fasal

14. Penyahaktifan di bawah perjanjian perkhidmatan, dsb.
15. Keutamaan pendapatan daripada hutang lain
16. Kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini

BAHAGIAN IV

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

17. Mekanisme kilan dalam
18. Pendamai
19. Prosiding pendamaian
20. Pendamaian oleh Menteri
21. Ketidakpatuhan terma penyelesaian
22. Pekhidmat awam
23. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

BAHAGIAN V

TRIBUNAL PEKERJA GIG

24. Penubuhan Tribunal
25. Anggota, tempoh jawatan dan elaun
26. Penjalanan sementara fungsi Presiden
27. Pengosongan jawatan
28. Pembatalan pelantikan
29. Peletakan jawatan dan pengisian kekosongan
30. Pendaftar, pegawai dan kakitangan
31. Pekhidmat awam
32. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
33. Bidang kuasa dan kuasa Tribunal
34. Sidang Tribunal
35. Notis aduan pertikaian
36. Hak untuk hadir semasa pendengaran

Fasal

37. Pendengaran hendaklah terbuka
38. Tatacara Tribunal
39. Tribunal boleh bertindak semasa pihak tidak hadir
40. Keterangan
41. Pengecualian keterangan
42. Award Tribunal
43. Award Tribunal adalah mengikat
44. Rayuan ke Mahkamah Tinggi
45. Penalti jenayah kerana kegagalan untuk mematuhi

BAHAGIAN VI

MAJLIS PERUNDINGAN

46. Penubuhan Majlis Perundingan
47. Fungsi dan kuasa Majlis
48. Syor oleh Majlis
49. Keputusan mengenai syor
50. Perintah Menteri
51. Keanggotaan Majlis
52. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
53. Setiausaha
54. Tempoh jawatan
55. Elaun
56. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
57. Pengosongan jawatan
58. Mesyuarat
59. Minit
60. Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat
61. Tatacara
62. Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa

Fasal

- 63. Urus setia
- 64. Obligasi kerahsiaan
- 65. Dana
- 66. Kesahan perbuatan dan prosiding
- 67. Pekhidmat awam
- 68. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGAWALSELIAAN DAN
PENGUATKUASAAN BAHAGIAN III, BAHAGIAN V DAN BAHAGIAN VI

- 69. Ketua Pengarah dan pegawai
- 70. Fungsi Ketua Pengarah
- 71. Kuasa Ketua Pengarah
- 72. Pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa
- 73. Kad kuasa
- 74. Kuasa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan
- 75. Pengkompaunan kesalahan
- 76. Pekhidmat awam
- 77. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

BAHAGIAN VIII

PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

- 78. Tafsiran
- 79. Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, kuasa, fungsi dan kewajipan
- 80. Pemeriksa, dsb., kuasa, fungsi dan kewajipan
- 81. Pemakaian Bahagian ini
- 82. Hak pekerja gig di bawah Bahagian ini
- 83. Kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini

Fasal

84. Liabiliti entiti kontrak
85. Hukuman bagi memberi maklumat palsu
86. Hukuman bagi kemungkiran untuk membayar caruman, dsb.
87. Perintah mahkamah berkenaan dengan caruman yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan
88. Perbicaraan bagi lebih daripada satu kesalahan
89. Salinan catatan untuk menjadi keterangan *prima facie*
90. Pengkompaunan kesalahan
91. Kuasa penyasatan
92. Pekhidmat awam
93. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
94. Perkara yang akan diputuskan oleh Tribunal di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017

BAHAGIAN IX

KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

95. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai
96. Fungsi Ketua Pengarah
97. Kuasa Ketua Pengarah
98. Pemakaian Bahagian ini
99. Pegawai penyasat dan pegawai penguat kuasa
100. Kad kuasa
101. Kuasa penguatkuasaan, penyasatan dan pemeriksaan
102. Pengkompaunan kesalahan
103. Kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini
104. Kewajipan pekerja gig di bawah Bahagian ini
105. Pekhidmat awam
106. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

BAHAGIAN X

PELBAGAI

Fasal

- 107. Pendakwaan
- 108. Penalti am
- 109. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.
- 110. Kuasa untuk meminda Jadual
- 111. Kuasa untuk mengecualikan
- 112. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk melindungi hak pekerja gig, untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan entiti kontrak, untuk mengawal selia terma dan syarat perjanjian perkhidmatan yang dibuat antara entiti kontrak dengan pekerja gig, untuk mengadakan peruntukan bagi mekanisme penyelesaian pertikaian, untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Perundingan, untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Tribunal Pekerja Gig dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pekerja Gig 2025.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuk apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“award” ertinya suatu award yang dibuat oleh Tribunal berkenaan dengan apa-apa pertikaian atau perkara yang dirujuk kepadanya atau apa-apa keputusan atau perintah yang dibuat oleh Tribunal di bawah Akta ini;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“entiti kontrak” ertinya—

(a) seseorang individu;

(b) mana-mana orang termasuk kumpulan orang yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

(c) mana-mana penyedia platform,

yang terlibat dan membuat suatu perjanjian perkhidmatan dengan seseorang pekerja gig bagi pelaksanaan perkhidmatan oleh pekerja gig itu sebagai pertukaran bagi pembayaran pendapatan;

“Majlis” ertinya Majlis Perundingan yang ditubuhkan di bawah seksyen 46;

“mekanisme kilan dalam” ertinya suatu mekanisme penyelesaian pertikaian yang diperuntukkan oleh entiti kontrak dalam perjanjian perkhidmatan bagi maksud menangani dan menyelesaikan apa-apa kilan, pertikaian atau perkara yang berkenaan dengan pekerja gig;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;

“pekerja gig” ertinya seseorang individu yang—

- (a) merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
- (b) membuat perjanjian perkhidmatan dengan entiti kontrak bagi pelaksanaan—
 - (i) apa-apa perkhidmatan dengan mana-mana entiti kontrak yang merupakan penyedia platform; atau
 - (ii) apa-apa perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dengan mana-mana entiti kontrak yang bukan merupakan penyedia platform; dan
- (c) menerima pendapatan bagi perkhidmatan itu;

“pendapatan” ertinya apa-apa bayaran yang kena dibayar kepada pekerja gig di bawah perjanjian perkhidmatan tetapi tidak termasuk tip dan ganjaran, dan faedah lain yang diterima oleh pekerja gig;

“penyedia platform” ertinya mana-mana penyedia sistem pengantara digital yang menghubungkan perkhidmatan oleh pekerja gig kepada pengguna perkhidmatan;

“perjanjian perkhidmatan” ertinya apa-apa perjanjian, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat, antara entiti kontrak dengan pekerja gig yang menyediakan suatu perkhidmatan di Malaysia sebagai pertukaran bagi pendapatan, tetapi tidak termasuk “kontrak perkhidmatan” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], Ordinan Buruh Sabah [*Sabah Bab 67*], Ordinan Buruh Sarawak [*Sarawak Bab 76*] dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*] atau “kontrak pekerjaan” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*];

“persatuan pekerja gig” ertinya mana-mana persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] yang hendaklah terdiri daripada pekerja gig bagi maksud mewakili kepentingan dan kebajikan pekerja gig;

“pertikaian” ertinya apa-apa pertikaian antara pekerja gig dengan entiti kontrak berhubung dengan terma dan syarat perjanjian perkhidmatan, apa-apa hak pekerja gig atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya di bawah Akta ini;

“tip dan ganjaran” ertinya—

- (a) suatu pembayaran yang dibuat secara sukarela kepada pekerja gig sebagai tambahan kepada pendapatan; atau
- (b) suatu pembayaran yang dibuat secara sukarela melalui entiti kontrak dengan niat bahawa pembayaran itu akan dibuat kepada pekerja gig sebagai tambahan kepada pendapatannya;

“Tribunal” ertinya Tribunal Pekerja Gig yang ditubuhkan di bawah Bahagian V Akta ini.

BAHAGIAN II

PERJANJIAN PERKHIDMATAN

Perjanjian perkhidmatan

3. Tiap-tiap perjanjian perkhidmatan yang dibuat antara entiti kontrak dengan pekerja gig hendaklah menyatakan terma dan syarat seperti yang berikut:

- (a) pihak-pihak kepada perjanjian;
- (b) tempoh perjanjian;
- (c) perkhidmatan yang akan diberikan oleh pekerja gig;
- (d) obligasi pihak-pihak;
- (e) kadar dan butiran pendapatan pekerja gig;
- (f) kaedah pembayaran pendapatan; dan
- (g) apa-apa faedah atau tip dan ganjaran pekerja gig, jika ada.

Kecualian bagi perjanjian perkhidmatan sedia ada

4. Tiap-tiap perjanjian perkhidmatan yang dibuat secara sah antara entiti kontrak dengan pekerja gig sebelum Akta ini mula berkuat kuasa, hendaklah jika masih mengikat pihak-pihak secara sah, terus berkuat kuasa bagi tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian itu dan pihak-pihak hendaklah tertakluk dan berhak kepada faedah di bawah Akta ini.

Terma dan syarat yang mengatasi

5. (1) Jika apa-apa terma dan syarat suatu perjanjian perkhidmatan, sama ada perjanjian itu telah dibuat sebelum atau selepas Akta ini mula berkuat kuasa, tidak memihak kepada pekerja gig berbanding terma dan syarat yang diperuntukkan di bawah Akta ini, terma dan syarat perjanjian perkhidmatan itu hendaklah terbatal.

(2) Terma dan syarat yang tidak memihak yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah digantikan dengan terma dan syarat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Kesahan terma dan syarat

6. Walau apa pun seksyen 5, entiti kontrak dan pekerja gig boleh bersetuju kepada apa-apa terma dan syarat yang lebih memihak kepada pekerja gig itu.

Perkara yang tidak diperuntukkan di bawah Akta ini

7. Jika tiada peruntukan dibuat berkaitan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini, perkara itu tidak dihalang daripada diperuntukkan dalam perjanjian perkhidmatan atau dirundingkan antara entiti kontrak dengan pekerja gig.

BAHAGIAN III

PEKERJA GIG

Hak pekerja gig**8. (1) Seseorang pekerja gig—**

- (a) hendaklah dimaklumkan terma dan syarat perjanjian perkhidmatan yang dipersetujui;
- (b) hendaklah dimaklumkan perkhidmatan yang dipersetujui untuk dilaksanakan;
- (c) hendaklah dimaklumkan kadar dan butiran pendapatan yang dipersetujui sebelum pekerja gig itu bersetuju untuk melaksanakan perkhidmatan;
- (d) hendaklah dimaklumkan kaedah pembayaran pendapatan, tip dan ganjaran, dan faedah lain;
- (e) hendaklah menerima pendapatan bagi perkhidmatan yang diberikan dalam tempoh sebagaimana yang dipersetujui oleh entiti kontrak dan pekerja gig;
- (f) hendaklah dirundingi dan dimaklumkan jika terdapat apa-apa perubahan terma dan syarat perjanjian perkhidmatan;
- (g) hendaklah tidak ditamatkan perkhidmatannya tanpa alasan atau sebab yang munasabah; dan
- (h) hendaklah disediakan dengan apa-apa mekanisme penyelesaian pertikaian.

(2) Sebagai tambahan kepada hak yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang pekerja gig yang membuat perjanjian perkhidmatan dengan penyedia platform—

- (a) hendaklah dimaklumkan tentang sistem pemantauan berautomat melalui cara elektronik yang digunakan oleh penyedia platform untuk memantau, menyelia atau menilai pekerja gig, termasuklah akibat yang berbangkit daripadanya;

- (b) hendaklah dimaklumkan tentang sistem pembuatan keputusan berautomat melalui cara elektronik yang digunakan oleh penyedia platform untuk membuat keputusan yang berhubungan dengan penugasan perkhidmatan dan suasana kerja pekerja gig; dan
- (c) hendaklah disediakan dengan mekanisme kajian semula tidak berautomat kepada sistem yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) yang digunakan oleh penyedia platform.

(3) Apa-apa terma dan syarat dalam perjanjian perkhidmatan yang berupa sebagai berkontrak keluar atau mengenepikan hak pekerja gig hendaklah batal dan tidak sah.

Larangan terhadap entiti kontrak berkenaan dengan perbuatan tertentu

9. Entiti kontrak tidak boleh—

- (a) mengenakan apa-apa syarat dalam perjanjian perkhidmatan yang bertujuan untuk menghalang hak pekerja gig untuk membuat apa-apa perjanjian dengan pihak lain;
- (b) mendiskriminasi mana-mana pekerja gig berhubung dengan suasana kerja, penugasan perkhidmatan atau pembayaran pendapatan; atau
- (c) menamatkan perjanjian perkhidmatan tanpa alasan atau sebab yang munasabah.

Hak pekerja gig untuk menyertai, mengambil bahagian dalam atau menubuhkan persatuan pekerja gig

10. Apa-apa terma dan syarat perjanjian perkhidmatan hendaklah terbatal jika terma dan syarat itu, dalam apa-apa cara, menyekat atau tidak memasukkan hak pekerja gig—

- (a) untuk bersekutu dengan mana-mana orang lain bagi penubuhan persatuan pekerja gig;

- (b) untuk menyertai mana-mana persatuan pekerja gig; atau
- (c) untuk mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh mana-mana persatuan pekerja gig, sama ada pekerja gig itu memegang jawatan dalam persatuan itu atau sebaliknya.

Hak bagi pendapatan

11. (1) Jika perjanjian perkhidmatan tidak memperuntukkan apa-apa terma dan syarat berhubung dengan pembayaran pendapatan kepada pekerja gig, entiti kontrak hendaklah membayar pendapatan itu dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh penyelesaian perkhidmatan itu.

(2) Mana-mana entiti kontrak yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Potongan pendapatan, tip dan ganjaran

12. (1) Entiti kontrak tidak boleh membuat apa-apa potongan daripada pendapatan atau tip dan ganjaran pekerja gig melainkan jika potongan itu—

- (a) dibuat setakat apa-apa pembayaran lebih pendapatan dibuat sebaik sebelum tiga bulan daripada bulan yang potongan akan dibuat, oleh sebab kesilapan yang dibuat oleh entiti kontrak;
- (b) dibenarkan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau
- (c) dibenarkan oleh Ketua Pengarah dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukannya.

(2) Mana-mana entiti kontrak yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Hak untuk diberikan slip pendapatan

13. (1) Seseorang pekerja gig boleh meminta slip pendapatan daripada entiti kontrak selain seorang individu.

(2) Apabila menerima permintaan oleh pekerja gig di bawah subseksyen (1), entiti kontrak selain seorang individu hendaklah memberikan slip pendapatan dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana entiti kontrak selain seorang individu yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Penyahaktifan di bawah perjanjian perkhidmatan, dsb.

14. (1) Penyedia platform hendaklah mempunyai hak untuk menyahaktifkan akses pekerja gig kepada sistem pengantara digitalnya jika—

(a) penyahaktifan itu adalah mengikut terma dan syarat di bawah perjanjian perkhidmatan; atau

(b) terdapat salah laku telah dilakukan oleh pekerja gig semasa melaksanakan perkhidmatan.

(2) Seseorang pekerja gig adalah dinyahaktifkan daripada sistem pengantara digital jika penyedia platform mengubah suai, menggantung atau menamatkan akses pekerja gig itu kepada sistem pengantara digital dengan cara yang menghalang pekerja gig itu daripada melaksanakan perkhidmatannya di bawah perjanjian perkhidmatan.

(3) Penyedia platform boleh mengubah suai atau menggantung akses pekerja gig kepada sistem pengantara digitalnya bagi suatu tempoh tidak melebihi empat belas hari bagi maksud mengadakan suatu siasatan bagi perkara yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Penyedia platform hendaklah memberitahu pekerja gig itu berkenaan dengan pengubahsuaian atau penggantungan yang disebut dalam subseksyen (3) dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pekerja gig.

(5) Jika penyedia platform mendapati bahawa tiada sebab untuk menyahaktifkan akses pekerja gig itu kepada sistem pengantara digitalnya di bawah perenggan (1)(a) atau (b), penyedia platform hendaklah—

- (a) mengaktifkan semula akses pekerja gig kepada sistem pengantara digitalnya; dan
- (b) membayar kepada pekerja gig itu separuh daripada amaun purata pendapatan harian bagi tempoh pengubahsuaian atau penggantungan itu dan pembayaran itu hendaklah dikira berdasarkan pendapatan bagi hari perkhidmatan sebenar dalam tempoh tiga puluh hari sebelum tempoh pengubahsuaian atau penggantungan itu.

(6) Jika penyedia platform mendapati bahawa penyahaktifan adalah mengikut terma dan syarat di bawah perjanjian perkhidmatan atau apa-apa salah laku telah dilakukan oleh pekerja gig, penyedia platform itu boleh—

- (a) menamatkan akses pekerja gig itu kepada sistem pengantara digitalnya dan perjanjian perkhidmatan; atau
- (b) meneruskan dengan pengubahsuaian atau penggantungan akses pekerja gig itu kepada sistem pengantara digitalnya bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi tujuh hari tanpa menamatkan perjanjian perkhidmatan.

(7) Penyedia platform hendaklah memberikan hak untuk didengar kepada pekerja gig itu sebelum mengambil apa-apa tindakan di bawah perenggan 6(a) atau (b).

(8) Apabila habis tempoh yang disebut dalam perenggan (6)(b), penyedia platform hendaklah mengaktifkan semula akses pekerja gig itu kepada sistem pengantara digitalnya.

(9) Penyedia platform hendaklah memberi penjelasan bertulis kepada pekerja gig bagi apa-apa keputusan yang dibuat di bawah subseksyen (6).

(10) Mana-mana penyedia platform yang melanggar subseksyen (4), (5), (7), (8) atau (9) melakukan suatu kesalahan.

Keutamaan pendapatan daripada hutang lain

15. (1) Jika dengan perintah mahkamah yang dibuat atas permohonan pemiutang bercagar atau orang yang bertanggungjawab di bawah mana-mana peruntukan Akta ini untuk membayar pendapatan yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja gig, atau apa-apa wang yang kena dibayar kepada orang yang bertanggungjawab ditahan atau digarnis, mahkamah atau penerima atau pengurus hendaklah tidak membenarkan pembayaran hasil jualan, atau wang yang ditahan atau digarnis itu, kepada pemiutang bercagar atau pemegang debentur sehingga mahkamah atau penerima atau pengurus telah menentukan dan menyebabkan dibayar, daripada hasil jualan atau wang itu, pendapatan pekerja gig itu, yang orang yang bertanggungjawab adalah bertanggungjawab untuk membayar pada tarikh penjualan, penahanan atau pengarnisan itu:

Dengan syarat bahawa jumlah amaun pendapatan mana-mana pekerja gig yang menjadi keutamaan daripada tuntutan seseorang pemiutang bercagar yang diberikan di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi amaun yang kena dibayar oleh entiti kontrak kepada pekerja gig sebagai pendapatan bagi mana-mana empat bulan perkhidmatan berturut-turut.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

“pemiutang bercagar” termasuklah mana-mana orang yang memegang suatu gadai janji, gadaian, lien atau dekri;

“orang bertanggungjawab” termasuklah mana-mana orang yang menggunakan haknya di bawah suatu debentur bagi mana-mana harta.

Kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini

16. Entiti kontrak mempunyai kewajipan untuk memenuhi hak pekerja gig sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Mekanisme kilanan dalaman

17. (1) Tertakluk kepada perenggan 8(1)(h), pekerja gig boleh membuat suatu aduan pertikaian secara bertulis kepada entiti kontrak selain seorang individu atau pemunya tunggal.

(2) Apabila aduan daripada pekerja gig diterima, entiti kontrak selain seorang individu atau pemunya tunggal hendaklah memulakan dan menyelesaikan pertikaian melalui mekanisme kilanan dalaman yang diperuntukkan di bawah perjanjian perkhidmatan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh aduan itu dibuat.

(3) Seksyen ini tidak terpakai kepada apa-apa pertikaian berhubung dengan penyahaktifan di bawah seksyen 14.

Pendamai

18. (1) Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, Timbalan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 2A(2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 hendaklah menjadi Pendamai bagi maksud Bahagian ini.

(2) Pendamai hendaklah mempunyai arahan am, kawalan, kuasa dan penyeliaan atas semua perkara yang berhubung dengan Bahagian ini.

(3) Seseorang pekerja gig boleh membuat suatu aduan pertikaian bagi pendamaian dalam hal—

(a) suatu aduan pertikaian dibuat terhadap entiti kontrak yang merupakan seseorang individu atau pemunya tunggal;

(b) pekerja gig itu tidak berpuas hati dengan keputusan penyedia platform di bawah subseksyen 14(9);

- (c) mekanisme kilanan dalaman tidak diperuntukkan oleh entiti kontrak di bawah seksyen 17;
- (d) pekerja gig itu tidak berpuas hati dengan keputusan entiti kontrak melalui mekanisme kilanan dalaman; atau
- (e) pertikaian itu tidak dapat diselesaikan melalui mekanisme kilanan dalaman selepas tempoh tiga puluh hari di bawah seksyen 17 telah luput.

Prosiding pendamaian

19. (1) Aduan pertikaian di bawah subseksyen 18(3) hendaklah difailkan kepada Pendamai mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Apabila menerima aduan pertikaian, Pendamai hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu atau suai manfaat untuk memulakan prosiding pendamaian bagi menggalakkan suatu penyelesaian yang cepat.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika pertikaian berlaku atau dijangka untuk berlaku, yang pada pendapat Pendamai tidak mungkin boleh diselesaikan antara pihak-pihak, Pendamai boleh, jika difikirkannya perlu bagi kepentingan awam, mengambil apa-apa langkah yang perlu atau suai manfaat untuk memulakan prosiding pendamaian bagi menggalakkan suatu penyelesaian yang cepat sama ada atau tidak pertikaian telah dilaporkan kepadanya.

(4) Jika suatu penyelesaian dicapai antara pihak-pihak, Pendamai hendaklah merekodkan terma penyelesaian antara pihak-pihak itu.

(5) Jika Pendamai berpuas hati bahawa tidak mungkin pertikaian itu boleh diselesaikan, Pendamai hendaklah merujuk pertikaian itu kepada Tribunal.

(6) Langkah yang akan diambil oleh Pendamai di bawah Bahagian ini hendaklah dilaksanakan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

Pendamaian oleh Menteri

20. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan di bawah Bahagian ini, Menteri boleh mendamaikan apa-apa pertikaian.

(2) Jika suatu penyelesaian dicapai antara pihak-pihak, Menteri hendaklah mengarahkan Pendamai untuk merekodkan terma penyelesaian antara pihak-pihak itu.

(3) Jika Menteri berpuas hati bahawa tidak mungkin pertikaian itu boleh diselesaikan, Menteri hendaklah merujuk pertikaian itu kepada Tribunal.

Ketidakpatuhan terma penyelesaian

21. (1) Jika mana-mana terma penyelesaian di bawah subseksyen 19(4) atau 20(2) tidak dipatuhi, mana-mana pihak boleh membuat aduan kepada Pendamai.

(2) Jika Pendamai mendapati bahawa mana-mana terma penyelesaian yang direkodkan di bawah subseksyen 19(4) atau 20(2) tidak dipatuhi oleh mana-mana pihak, Pendamai hendaklah merujuk perkara itu kepada Tribunal.

Pekhidmat awam

22. Mana-mana Pendamai semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

23. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pendamai berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

BAHAGIAN V

TRIBUNAL PEKERJA GIG

Penubuhan Tribunal

24. Maka hendaklah ditubuhkan suatu tribunal yang dikenali sebagai “Tribunal Pekerja Gig”.

Anggota, tempoh jawatan dan elaun

25. (1) Tribunal hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Presiden dan seorang Timbalan Presiden dilantik dalam kalangan pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan;
- (b) tidak kurang daripada lima orang anggota lain yang hendaklah terdiri daripada—
 - (i) orang yang merupakan pegawai atau yang pernah memegang jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau
 - (ii) orang yang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Ordinan Peguam Bela Sabah [*Sabah Bab 2*] atau Ordinan Peguam Bela Sarawak [*Sarawak Bab 110*], dan yang menjalankan amalan tidak kurang daripada tujuh tahun; atau
 - (iii) walau apa pun subperenggan (ii), orang yang layak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976, dengan sekurang-kurangnya lima belas tahun pengalaman dalam tenaga kerja dan perhubungan perusahaan dalam kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi sumber manusia boleh dipertimbangkan bagi pelantikan sebagai seorang anggota di bawah perenggan ini.

(2) Anggota Tribunal yang disebut dalam subseksyen (1)—

(a) hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan

(b) hendaklah layak untuk dilantik semula apabila tamat tempoh jawatan tetapi tidak boleh dilantik bagi tempoh lebih daripada tiga penggal berturut-turut.

(3) Anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Penjalanan sementara fungsi Presiden

26. Jika, Presiden atas apa-apa alasan tidak dapat melaksanakan fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Presiden, Timbalan Presiden hendaklah melaksanakan fungsi Presiden.

Pengosongan jawatan

27. Jawatan seseorang anggota Tribunal hendaklah menjadi kosong apabila—

(a) kematian anggota itu;

(b) anggota itu meletakkan jawatan dengan memberikan tiga bulan notis bertulis kepada Menteri; atau

(c) tamat tempoh jawatannya.

Pembatalan pelantikan

28. Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang anggota Tribunal yang dilantik di bawah subseksyen 25(1)—

(a) jika kelakuan orang itu, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai seorang anggota Tribunal atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga mencemarkan nama Tribunal;

- (b) jika orang itu menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajibannya secara wajar sebagai anggota Tribunal;
- (c) jika dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan —
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;
- (d) jika orang itu dihukum bankrap oleh suatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa;
- (e) jika orang itu didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya; atau
- (f) jika orang itu tidak menghadiri sidang Tribunal tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Presiden.

Peletakan jawatan dan pengisian kekosongan

29. (1) Presiden, Timbalan Presiden atau anggota Tribunal yang dilantik di bawah subseksyen 25(1) boleh pada bila-bila masa meletak jawatan dengan memberikan tiga bulan notis bertulis kepada Menteri.

(2) Jika Presiden, Timbalan Presiden atau anggota yang dilantik di bawah subseksyen 25(1) terhenti menjadi anggota Tribunal, Menteri boleh melantik orang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang anggota yang mengosongkan jawatan itu dilantik.

Pendaftar, pegawai dan kakitangan

30. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Pendaftar, seorang Timbalan Pendaftar, dan apa-apa bilangan pegawai dan kakitangan sebagaimana yang perlu bagi menjalankan fungsi Tribunal.

(2) Kewajipan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, dan pegawai dan kakitangan lain Tribunal hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, adalah sebagaimana yang diarahkan oleh Presiden.

(3) Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan apa-apa bilangan pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah daripada Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Perusahaan.

Pekhidmat awam

31. Mana-mana anggota atau pegawai Tribunal semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

32. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana anggota atau pegawai Tribunal berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Bidang kuasa dan kuasa Tribunal

33. (1) Tribunal hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa pertikaian atau perkara yang dirujuk kepadanya oleh Pendamai atau Menteri di bawah Bahagian IV Akta ini dan boleh memberikan apa-apa award yang difikirkan adil dan wajar.

(2) Tribunal tidak mempunyai apa-apa bidang kuasa bagi peruntukan kesalahan di bawah Akta ini dan semua perkara di bawah Bahagian VIII Akta ini.

(3) Apa-apa aduan yang dirujuk kepada Tribunal boleh termasuk kerugian atau ganti rugi yang berbangkit.

(4) Tribunal hendaklah mempunyai kuasa, dalam mana-mana prosiding di hadapannya—

(a) untuk memerintahkan mana-mana pihak digabungkan, digantikan atau dibatalkan; dan

(b) untuk mengarahkan dan membuat semua perkara sebagaimana perlu atau suai manfaat bagi mempercepat penentuan perkara di hadapannya.

Sidang Tribunal

34. (1) Bidang kuasa Tribunal hendaklah dijalankan oleh mana-mana orang yang berikut bersidang seorang diri:

(a) Presiden Tribunal;

(b) Timbalan Presiden Tribunal; atau

(c) mana-mana anggota Tribunal yang dipilih oleh Presiden.

(2) Tribunal boleh bersidang dalam dua atau lebih persidangan pada mana-mana hari dan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Presiden.

(3) Jika anggota yang mempengerusikan apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu aduan meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, atau atas apa-apa sebab lain tidak dapat menyelesaikan atau melupakan prosiding itu, prosiding itu hendaklah didengar semula oleh seorang anggota Tribunal yang lain, melainkan jika pihak-pihak bersetuju bahawa prosiding itu diteruskan oleh seorang anggota Tribunal yang lain.

Notis aduan pertikaian

35. Apabila suatu pertikaian dirujuk oleh Pendamai atau Menteri di bawah Bahagian IV Akta ini kepada Tribunal, Pendaftar hendaklah memberikan suatu notis bertulis dalam borang yang ditetapkan kepada pihak-pihak dalam pertikaian yang mengandungi butir-butir mengenai hari, masa dan tempat pendengaran.

Hak untuk hadir semasa pendengaran

36. (1) Semasa pendengaran, tiap-tiap pihak kepada prosiding berhak untuk hadir dan didengar.

(2) Bagi maksud apa-apa pendengaran suatu aduan di bawah Bahagian ini—

(a) seseorang entiti kontrak boleh diwakili oleh pekerjaanya yang diberi kuasa sewajarnya; atau

(b) seseorang pekerja gig boleh diwakili oleh mana-mana pegawai rasmi atau ahli persatuan pekerja gig yang diberi kuasa atau oleh mana-mana ahli keluarganya.

(3) Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (2), tiada pihak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara.

Pendengaran hendaklah terbuka

37. Semua pendengaran di hadapan Tribunal hendaklah terbuka kepada orang awam.

Tatacara Tribunal

38. Prosiding Tribunal hendaklah dijalankan mengikut tatacara sebagaimana yang ditetapkan.

Tribunal boleh bertindak semasa pihak tidak hadir

39. Tribunal boleh mendengar dan memutuskan aduan di hadapannya walaupun mana-mana pihak kepada prosiding itu tidak hadir jika dibuktikan sehingga Tribunal berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan kepada pihak yang tidak hadir itu dengan sewajarnya.

Keterangan

40. (1) Tribunal boleh—

- (a) mendapatkan dan menerima semua keterangan bersumpah atau dengan ikrar, sama ada bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal;
- (b) menghendaki pengemukaan di hadapannya apa-apa maklumat, buku, kertas, dokumen, rekod atau benda;
- (c) mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (d) mendapatkan dan menerima apa-apa keterangan lain dan membuat apa-apa siasatan lain sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (e) memanggil pihak-pihak kepada prosiding itu atau mana-mana orang lain supaya hadir di hadapannya untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda lain dalam milikannya atau selainnya untuk membantu Tribunal dalam pertimbangtelitiannya;
- (f) menerima keterangan pakar;
- (g) mengarahkan bahawa apa-apa maklumat, buku, kertas, dokumen atau benda yang dikemukakan sebagai keterangan tidak boleh didedahkan atau diterbitkan dalam mana-mana akhbar atau selainnya;

- (h) mengarahkan bahawa apa-apa keterangan hendaklah diambil secara tertutup dan tiada orang boleh hadir semasa keterangan itu diambil melainkan jika dibenarkan oleh Tribunal; dan
- (i) mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat penentuan aduan itu.

(2) Sesuatu saman yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(e) hendaklah disampaikan dan dikuatkuasakan seolah-olah saman itu merupakan suatu saman yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(g) melakukan suatu kesalahan.

Pengecualian keterangan

41. (1) Jika suatu pertikaian yang berkaitan dengan perkara yang tentangnya prosiding pendamaian telah berlaku, tiada keterangan boleh dikemukakan dalam prosiding di hadapan Tribunal selain suatu pernyataan bertulis berkenaan dengan perkara itu sebagaimana yang dipersetujui dan ditandatangani oleh pihak-pihak kepada pertikaian itu.

(2) Tiada keterangan boleh diberikan dalam prosiding di hadapan Tribunal atas apa-apa tawaran yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan pertikaian yang dibuat tanpa prejudis oleh mana-mana orang kecuali dengan persetujuan orang itu.

(3) Pengecualian yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah terpakai dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah.

Award Tribunal

42. (1) Tribunal hendaklah membuat suatu perintah dalam bentuk suatu award tanpa kelengahan dan, jika dapat dilaksanakan, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh terakhir pendengaran di hadapan Tribunal.

(2) Tiap-tiap award selepas pendengaran hendaklah diumumkan di hadapan pihak-pihak sama ada pada penutupan pendengaran itu atau pada mana-mana hari yang kemudian yang notis hendaklah diberikan kepada pihak-pihak.

(3) Tribunal hendaklah menyatakan secara bertulis sebab bagi award atau penolakan aduan itu bersama dengan apa-apa dapatan fakta yang diambil maklum oleh Tribunal atau syor yang telah dibuat oleh Tribunal dalam prosiding itu dan hendaklah diserahkan kepada pihak-pihak mengikut cara bersama fi yang ditetapkan—

(a) atas permintaan mana-mana pihak kepada prosiding; atau

(b) jika mana-mana pihak kepada prosiding merayu terhadap award Tribunal di bawah seksyen 44.

(4) Suatu award Tribunal di bawah subseksyen (1) boleh menyatakan satu atau lebih daripada yang berikut:

(a) supaya suatu pihak kepada prosiding itu membayar pampasan kepada mana-mana pihak lain;

(b) supaya suatu pihak mematuhi apa-apa terma dan syarat dalam perjanjian perkhidmatan;

(c) supaya suatu pihak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;

(d) supaya suatu pihak berhak untuk melaksanakan perkhidmatannya atau untuk mengakses sistem pengantaraan digital;

(e) supaya suatu pihak diberi kebenaran untuk menyahaktifkan akses pihak lain daripada sistem pengantara digital;

(f) supaya suatu pihak dibayar amaun penuh pendapatan, tip dan ganjaran, atau faedah lain yang genap masa dan kena dibayar bagi perkhidmatannya;

(g) supaya suatu pihak dibayar balik bagi potongan salah pendapatan;

- (h) supaya suatu pihak dibayar balik bagi apa-apa pembayaran terlebih;
- (i) supaya suatu pihak diberikan pampasan bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung;
- (j) supaya suatu pihak berhak untuk memotong pendapatan pihak lain;
- (k) supaya perjanjian perkhidmatan itu diubah atau diketepikan, secara keseluruhannya atau sebahagiannya;
- (l) supaya kos untuk atau terhadap mana-mana pihak dibayar;
- (m) supaya faedah dibayar atas apa-apa jumlah wang atau award kewangan pada kadar tidak melebihi lapan peratus setahun, melainkan jika ia telah dipersetujui selainnya antara pihak-pihak;
- (n) supaya tuntutan itu ditolak; atau
- (o) mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat.

(5) Tribunal boleh membetulkan dalam mana-mana award apa-apa kesilapan perkeranian atau kesilapan yang timbul daripada apa-apa ketinggalan atau peninggalan yang tidak disengajakan.

Award Tribunal adalah mengikat

43. (1) Tiap-tiap award yang dibuat oleh Tribunal di bawah seksyen 42—

- (a) hendaklah mengikat semua pihak kepada prosiding; dan
- (b) hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah mahkamah sesyen walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, dan boleh dikuatkuasakan dengan sewajarnya oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), Pendaftar hendaklah menghantar suatu salinan award yang dibuat oleh Tribunal kepada mahkamah sesyen yang mempunyai bidang kuasa di tempat yang award itu berkaitan atau di tempat award itu dibuat dan mahkamah itu hendaklah menyebabkan salinan itu direkodkan.

Rayuan ke Mahkamah Tinggi

44. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Tribunal boleh merayu ke Mahkamah Tinggi.

(2) Rayuan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibawa dalam masa empat belas hari dari tarikh award itu diumumkan oleh Tribunal.

Penalti jenayah kerana kegagalan untuk mematuhi

45. (1) Mana-mana orang yang tidak mematuhi suatu award yang dibuat oleh Tribunal dalam tempoh yang dinyatakan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, pesalah boleh, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

BAHAGIAN VI

MAJLIS PERUNDINGAN

Penubuhan Majlis Perundingan

46. Maka hendaklah ditubuhkan suatu majlis yang dikenali sebagai “Majlis Perundingan”.

Fungsi dan kuasa Majlis

47. (1) Fungsi Majlis adalah untuk menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri mengenai perkara yang berikut:

- (a) kadar pendapatan minimum termasuk liputan mengikut sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain yang berhubungan dengan kadar pendapatan minimum dan pendapatan;
- (b) formula yang akan diguna pakai berhubung dengan kadar pendapatan minimum dan pendapatan mengikut sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain yang berhubungan dengan kadar pendapatan minimum dan pendapatan;
- (c) standard minimum yang perlu diguna pakai mengikut sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain yang berhubungan dengan peruntukan Akta ini;
- (d) ketidakpakaian pengesyoran dalam perenggan (a), (b) atau (c) kepada mana-mana sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain;
- (e) tarikh permulaan kuat kuasa apa-apa perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Bahagian ini;
- (f) penyemakan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini; atau
- (g) apa-apa perkara lain berhubung dengan perkara di bawah perenggan (1)(a) hingga (f).

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya termasuk—

- (a) untuk berunding dengan pemegang taruh yang berkaitan atas semua perkara yang berhubungan dengan perenggan (1)(a) hingga (g);

- (b) untuk mengumpul dan menganalisis data dan maklumat, dan untuk menjalankan penyelidikan atas perkara yang berhubungan dengannya, termasuklah di peringkat antarabangsa;
- (c) untuk menyelaraskan dan menyelia, dan untuk menilai kesan daripada, pelaksanaan mana-mana perintah yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini;
- (d) untuk menimbang teliti atas semua perkara yang berhubungan dengan perenggan (1)(a) hingga (g);
- (e) untuk menyebarkan maklumat dan analisis terhadap semua perkara yang berhubungan dengan Akta ini; dan
- (f) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(3) Jika Menteri menentukan bahawa Majlis hendaklah menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan atas perkara di bawah perenggan (1)(a) hingga (g), Majlis hendaklah bermesyuarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

Syor oleh Majlis

48. Sebelum apa-apa syor dibuat di bawah perenggan 47(1)(a) hingga (g), Majlis hendaklah menjalankan kuasanya di bawah perenggan 47(2)(a) hingga (f).

Keputusan mengenai syor

49. (1) Kerajaan boleh, selepas menimbang syor oleh Majlis—

- (a) bersetuju dengan syor itu;
- (b) tidak bersetuju dengan syor itu dan menentukan perkara yang dinyatakan dalam perenggan 47(1)(a) hingga (g); atau
- (c) mengarahkan Majlis untuk mengkaji semula syor itu dan membuat syor baharu dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan.

(2) Jika Kerajaan mengarahkan Majlis untuk mengkaji semula syor itu dan membuat syor baharu di bawah perenggan (1)(c), maka perenggan 47(2)(a) dan (b) dan subseksyen 47(1) hendaklah terpakai.

(3) Kerajaan boleh, selepas menimbang syor baharu yang dibuat menurut subseksyen (2)—

(a) bersetuju dengan syor baharu itu; atau

(b) tidak bersetuju dengan syor baharu itu dan menentukan perkara yang dinyatakan dalam perenggan 47(1)(a) hingga (g).

Perintah Menteri

50. (1) Jika Kerajaan bersetuju dengan syor Majlis, Menteri hendaklah membuat perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengenai perkara yang dinyatakan dalam perenggan 47(1)(a) hingga (g) sebagaimana yang dipersetujui atau ditentukan oleh Kerajaan.

(2) Perintah itu hendaklah menyatakan orang yang dikawal oleh perintah itu dan kesan perintah itu.

(3) Menteri boleh, apabila diarahkan oleh Kerajaan meminda atau membatalkan perintah itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Keanggotaan Majlis

51. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*:

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang Timbalan Pengerusi;

(c) seorang Setiausaha dalam kalangan pegawai Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Perusahaan;

- (d) anggota dalam kalangan pegawai awam;
- (e) anggota yang mewakili entiti kontrak;
- (f) anggota yang mewakili pekerja gig; dan
- (g) anggota lain.

(2) Jumlah anggota yang akan dilantik bagi perenggan (1)(d) hingga (g) hendaklah ditentukan oleh Menteri.

(3) Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota Majlis yang disebut dalam perenggan (1)(g) hendaklah dilantik dalam kalangan orang, yang pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan industri gig.

(4) Anggota Majlis yang disebut dalam perenggan (1)(d) hendaklah dilantik melalui jawatan.

(5) Bilangan anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (1)(e) hendaklah sama bilangan anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (1)(f) pada satu-satu masa.

(6) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota tidak melebihi dua puluh sembilan orang pada bila-bila masa.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

52. (1) Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi bagi tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tiada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, kerana atas apa-apa sebab lain, tidak dapat menjalankan fungsinya.

(2) Timbalan Pengerusi hendaklah, dalam tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

Setiausaha

53. (1) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab—

- (a) untuk menguruskan hal ehwal Majlis;
- (b) untuk melaksanakan keputusan Majlis; dan
- (c) untuk menjalankan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

(2) Setiausaha hendaklah, dalam menjalankan tanggungjawabnya, bertindak di bawah kuasa dan arahan Majlis.

Tempoh jawatan

54. (1) Anggota Majlis hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 51(1)(c) dan (d) hendaklah memegang jawatan sehingga pelantikan itu dibatalkan di bawah subseksyen 56(1).

Elaun

55. Anggota Majlis hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

56. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan seseorang anggota Majlis.

(2) Anggota Majlis boleh meletakkan jawatan dengan memberi tiga puluh hari notis bertulis kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

57. (1) Jawatan seseorang anggota Majlis hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia dihukum bankrap oleh suatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa;
- (d) dia telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal atau selainnya menjadi tidak berupaya untuk menunaikan kewajibannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis dua kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika jawatan seseorang anggota Majlis kosong, Menteri boleh, jika perlu, melantik orang lain untuk memegang jawatan itu bagi baki tempoh yang dikosongkan oleh anggota itu atau untuk tempoh interim sehingga seorang anggota baharu dilantik ke jawatan itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Mesyuarat

58. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Suatu notis secara bertulis hendaklah diberikan kepada anggota Majlis sekurang-kurangnya tiga hari sebelum mesyuarat diadakan.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis dan —

(a) dalam ketiadaan Pengerusi pada mana-mana mesyuarat Majlis kerana apa-apa sebab, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu; atau

(b) dalam ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi pada mana-mana mesyuarat Majlis kerana apa-apa sebab, mana-mana anggota Majlis yang lain yang dilantik oleh Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Kuorum mesyuarat Majlis hendaklah dua pertiga daripada anggota Majlis, termasuk Pengerusi.

(5) Tiap-tiap anggota Majlis yang hadir pada mesyuarat Majlis berhak mendapat satu undi.

(6) Jika terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota Majlis yang mempengerusikan mesyuarat Majlis di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai undi pemutus.

Minit

59. (1) Majlis hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat tentang suatu mesyuarat Majlis hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi, diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Majlis yang berkenaan dengan minit prosidingnya telah dibuat mengikut subseksyen (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

60. (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya untuk menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Tatacara

61. Tertakluk kepada Akta ini, Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa

62. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Majlis hendaklah melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi ketua jawatankuasa.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana anggotanya atau mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi anggota jawatankuasa.

(4) Anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(5) Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa, membuat apa-apa perubahan dalam komposisi anggota jawatankuasa atau membubarkan jawatankuasa.

(6) Tertakluk kepada apa-apa arahan Majlis, jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(7) Ketua setiap jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan salinan minit itu hendaklah dikemukakan oleh jawatankuasa kepada Majlis secepat yang dapat dilaksanakan.

(8) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota jawatankuasa untuk menghadiri mesyuaratnya untuk menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(9) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (8) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Urus setia

63. (1) Majlis hendaklah mempunyai urus setia dengan apa-apa bilangan pegawai awam untuk membantu Majlis dan Setiausaha.

(2) Urus setia hendaklah tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Setiausaha.

Obligasi kerahsiaan

64. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Bahagian ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri—

- (a) tiada anggota Majlis atau jawatankuasa, atau pegawai Majlis, semasa dia menjadi Pengerusi, anggota atau pegawai, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperoleh olehnya semasa perjalanan kewajipannya; dan

- (b) tiada seorang lain yang, melalui apa-apa cara, mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Majlis boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Dana

65. Kerajaan hendaklah mengadakan dana yang mencukupi bagi Majlis setiap tahun untuk membolehkan Majlis melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

Kesahan perbuatan dan prosiding

66. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Bahagian ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) suatu kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Majlis; atau
- (b) suatu peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Pekhidmat awam

67. Mana-mana anggota Majlis atau jawatankuasa, atau pegawai Majlis semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Kesenakan.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

68. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana anggota Majlis atau jawatankuasa, atau pegawai Majlis berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PENGAWALSELIAAN DAN PENGUATKUASAAN
BAHAGIAN III, BAHAGIAN V DAN BAHAGIAN VI**Ketua Pengarah dan pegawai**

69. (1) Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah Akta Kerja 1955 hendaklah menjadi Ketua Pengarah bagi maksud Bahagian ini.

(2) Timbalan Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah Akta Kerja 1955 hendaklah menjadi Timbalan Ketua Pengarah bagi maksud Bahagian ini.

(3) Semasa ketiadaan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa dan boleh menunaikan semua kewajipan dan melaksanakan semua fungsi yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Bahagian ini.

(4) Tertakluk kepada arahan am, kawalan dan penyeliaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, semua atau mana-mana kuasa di bawah Bahagian ini boleh diberikan oleh Ketua Pengarah kepada—

- (a) mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta Kerja 1955;
- (b) Pengarah Tenaga Kerja atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Ordinan Buruh Sabah; atau
- (c) Pengarah Tenaga Kerja atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Ordinan Buruh Sarawak.

Fungsi Ketua Pengarah

70. Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah hendaklah—

- (a) mengawal selia pematuhan kewajipan oleh entiti kontrak berhubung dengan hak-hak pekerja gig;
- (b) menguatkuasakan award yang dibuat oleh Tribunal Pekerja Gig;

- (c) menentukan mekanisme dan amaun potongan pendapatan, dan tip dan ganjaran pekerja gig di bawah seksyen 12;
- (d) menentukan bentuk dan cara slip pendapatan yang perlu diberikan kepada pekerja gig di bawah seksyen 13; dan
- (e) menguatkuasakan perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Bahagian VI.

Kuasa Ketua Pengarah

71. Ketua Pengarah hendaklah mempunyai arahan am, kawalan, kuasa dan penyeliaan bagi semua perkara yang berhubungan dengan Bahagian ini.

Pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa

72. Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah boleh melantik apa-apa bilangan pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa sebagaimana perlu.

Kad kuasa

73. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan kad kuasa kepada setiap pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa.

(2) Jika seorang pegawai penyiasat menjalankan apa-apa kuasa di bawah Bahagian ini, dia hendaklah atas permintaan, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu dilaksanakan, kad kuasa itu.

Kuasa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan

74. (1) Mana-mana pegawai yang dilantik sebagai pegawai penguat kuasa atau pegawai penyiasat di bawah Bahagian ini, hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan yang berkaitan dalam Bahagian III, Bahagian V dan Bahagian VI;

- (b) untuk memasuki mana-mana premis dan untuk memeriksa apa-apa dokumen, rekod atau benda lain yang berkaitan untuk memastikan pematuhan terhadap mana-mana peruntukan yang berkaitan dalam Bahagian III, Bahagian V dan Bahagian VI;
- (c) untuk menyita apa-apa dokumen, rekod atau benda lain yang berkaitan bagi maksud penyiasatan di bawah Bahagian III, Bahagian V dan Bahagian VI; dan
- (d) untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Bahagian III, Bahagian V dan Bahagian VI.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seorang pegawai penyiasat hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang apa jua pun pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan.

Pengkompaunan kesalahan

75. (1) Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian III, Bahagian V dan Bahagian VI yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa lanjutan masa sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah seksyen ini—

- (a) tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; dan
- (b) apa-apa dokumen atau benda yang disita yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Pekhidmat awam

76. Mana-mana pegawai semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

77. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana pegawai berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

BAHAGIAN VIII

PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

Tafsiran

78. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pertubuhan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*];

“Pemeriksa” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, kuasa, fungsi dan kewajipan

79. (1) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 59 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 hendaklah menjadi Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah bagi maksud Bahagian ini.

(2) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa termasuklah kuasa Pemeriksa, fungsi dan kewajipan di bawah Bahagian ini.

Pemeriksa, dsb., kuasa, fungsi dan kewajipan

80. (1) Seseorang Pemeriksa yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai atau pekhidmat lain Pertubuhan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihak Ketua Pengarah, dan mana-mana Pemeriksa lain yang berpangkat lebih tinggi daripada Pemeriksa itu, dan hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah Bahagian ini dengan mematuhi segala arahan dan kawalan Ketua Pengarah.

(2) Seseorang Pemeriksa hendaklah mempunyai semua kuasa, fungsi dan kewajipan yang diberikan di bawah Bahagian ini.

Pemakaian Bahagian ini

81. Bahagian ini hendaklah terpakai kepada entiti kontrak yang merupakan penyedia platform yang membuat perjanjian perkhidmatan dengan pekerja gig bagi pelaksanaan apa-apa perkhidmatan.

Hak pekerja gig di bawah Bahagian ini

82. Bagi maksud Bahagian ini, pekerja gig hendaklah mempunyai hak—

- (a) bagi pemotongan caruman keselamatan sosial daripada pendapatan yang kena dibayar kepada pekerja gig, dibuat oleh entiti kontrak bagi pihak pekerja gig kepada Pertubuhan; dan
- (b) untuk mempunyai akses kepada pemotongan caruman keselamatan sosial itu dalam sistem pengantara digital yang dibangunkan oleh entiti kontrak.

Kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini

83. Bagi maksud Bahagian ini, entiti kontrak yang merupakan penyedia platform hendaklah mempunyai kewajipan—

- (a) untuk mengemukakan maklumat pekerja gig kepada Pertubuhan dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan;
- (b) untuk memastikan pendaftaran pekerja gig di bawah Skim Keselamatan Sosial Bekerja Sendiri yang ditadbir oleh Pertubuhan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan;
- (c) untuk membuat potongan daripada pendapatan pekerja gig dan mencarum kepada skim keselamatan sosial yang ditadbir oleh Pertubuhan bagi pihak pekerja gig dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan;
- (d) untuk melaksanakan potongan caruman mandatori dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan dan mengikut peratusan amaun caruman sebagaimana yang ditetapkan;

- (e) untuk memberitahu pekerja gig supaya membayar amaun kekurangan daripada caruman bulanan minimum kepada Pertubuhan dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan, jika amaun caruman yang dipotong oleh penyedia platform tidak mencapai kadar minimum caruman berdasarkan kepada pendapatan bulanan yang diinsuranskan yang dipilih di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017;
- (f) untuk memberitahu pekerja gig supaya memilih amaun caruman bulanan yang kena dibayar kepada Pertubuhan jika caruman yang dipotong oleh penyedia platform melebihi kadar minimum caruman berdasarkan kepada pendapatan bulanan yang diinsuranskan yang dipilih di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 dalam tempoh masa dan mengikut cara yang ditetapkan;
- (g) untuk menyediakan suatu mekanisme dalam sistem pengantara digitalnya yang boleh menghubungkan sistem Pertubuhan bagi maksud skim keselamatan sosial dan apa-apa perkara yang berhubungan dengannya dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan; dan
- (h) untuk melaksanakan apa-apa langkah yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan kebajikan pekerja gig sebagaimana yang diarahkan oleh Pertubuhan dalam apa-apa program kerjasama antara Pertubuhan dengan entiti kontrak.

Liabiliti entiti kontrak

84. (1) Jika Pertubuhan berpuas hati bahawa terdapat perbuatan atau peninggalan yang curang dalam pendaftaran atau pembayaran caruman pekerja gig, sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh entiti kontrak atau mana-mana pihak ketiga, apa-apa tunggakan pembayaran caruman atau potongan pendapatan pekerja gig, hendaklah dibayar oleh entiti kontrak kepada Pertubuhan.

(2) Jika entiti kontrak atau mana-mana pihak ketiga yang terlibat memberikan apa-apa faedah atau membuat apa-apa pembayaran di bawah skim caruman keselamatan sosial yang ditadbir oleh Pertubuhan kepada mana-mana pekerja gig dalam hal keadaan pekerja gig itu tidak berhak untuk menerimanya di bawah skim keselamatan sosial, entiti kontrak atau pihak ketiga itu hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Pertubuhan nilai faedah atau amaun pembayaran itu.

(3) Sekiranya entiti kontrak atau pihak ketiga itu tidak dapat membayar nilai faedah atau amaun pembayaran itu di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, wakilnya hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik nilai faedah atau amaun pembayaran itu, jika berkaitan.

(4) Nilai atau amaun yang kena dibayar di bawah seksyen ini boleh didapati semula sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Pertubuhan.

Hukuman bagi memberi maklumat palsu

85. Jika mana-mana orang, bagi maksud menyebabkan apa-apa pembayaran caruman atau faedah di bawah Bahagian ini—

- (a) membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pernyataan palsu atau representasi palsu; atau
- (b) membuat secara bertulis atau menandatangani apa-apa akuan, borang, laporan, perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Bahagian ini yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa butir-butir yang material,

boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Hukuman bagi kemungkiran membayar caruman, dsb.

86. Jika mana-mana orang—

- (a) tidak membayar apa-apa caruman atau apa-apa potongan caruman yang kena dibayar di bawah Bahagian ini atau tidak membayar mengikut mekanisme sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan;

- (b) memotong atau cuba memotong caruman yang tidak ditentukan oleh Pertubuhan;
- (c) tidak atau enggan mengemukakan apa-apa penyata, rekod atau apa-apa dokumen yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (d) membuat suatu penyata, rekod atau dokumen palsu;
- (e) menghalang seseorang Pemeriksa, pegawai dan pekhidmat atau pegawai rasmi lain Pertubuhan dalam menunaikan kewajipannya; atau
- (f) tidak mematuhi apa-apa kehendak Bahagian ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perintah mahkamah berkenaan dengan caruman yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan

87. (1) Apabila seseorang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan di bawah perenggan 86(a) atau (b), mahkamah yang mendapati orang itu bersalah hendaklah memerintahkan orang itu membayar kepada Pertubuhan amaun apa-apa caruman atau potongan caruman, bersama apa-apa faedah yang dikreditkan kepadanya, yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan dan diperakukan oleh pegawai diberi kuasa Pertubuhan sebagai kena dibayar oleh orang itu sebelum tarikh dia didapati bersalah, dan perakuan pegawai diberi kuasa itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi amaun yang genap masa dan kena dibayar itu.

(2) Caruman atau potongan caruman itu hendaklah boleh didapatkan semula mengikut cara yang sama sebagaimana, dan boleh dirayukan seolah-olah ia adalah, suatu perintah bagi bayaran pampasan di bawah seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah, melainkan jika mahkamah mengarahkan supaya pembayaran jumlah wang itu dibuat secara ansuran, mahkamah hendaklah mengarahkan supaya jumlah wang itu dibayar dengan tidak lebih daripada enam ansuran dalam tempoh enam bulan.

(3) Apabila mana-mana orang didapati bersalah atas kesalahan di bawah perenggan 86(c) berkenaannya dengan pengemukakan penyata, rekod atau apa-apa dokumen, mahkamah yang mendapati orang itu bersalah hendaklah memerintahkan orang itu mengemukakan penyata, rekod atau dokumen yang dikehendaki itu dalam masa yang ditentukan oleh mahkamah.

Perbicaraan bagi lebih daripada satu kesalahan

88. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, mana-mana orang boleh dipertuduh dan dibicarakan dalam mana-mana satu perbicaraan bagi apa-apa bilangan kesalahan di bawah perenggan 86(a) atau (b), tidak melebihi tiga puluh enam dan kesalahan itu hendaklah, bagi maksud undang-undang yang berkuat kuasa pada masa itu yang berhubungan dengan tatacara jenayah, disifatkan menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama.

Salinan catatan untuk menjadi keterangan *prima facie*

89. Dalam mana-mana prosiding undang-undang, suatu salinan catatan dalam akaun Pertubuhan yang diperakukan oleh seorang pegawai diberi kuasa Pertubuhan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa catatan tersebut telah dibuat dan kandungan dalam catatan itu adalah benar.

Pengkompaunan kesalahan

90. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa lanjutan masa sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah seksyen ini —

(a) tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; dan

(b) apa-apa dokumen atau benda yang disita yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kuasa penyiasatan

91. Apa-apa penyiasatan kesalahan yang berhubungan dengan mana-mana peruntukan di bawah Bahagian ini yang melibatkan entiti kontrak dan pekerja gig hendaklah dijalankan oleh Pertubuhan mengikut kuasa penyiasatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian IX Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Pekhidmat awam

92. Mana-mana pegawai Pertubuhan semasa menunaikan kewajibannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

93. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana pegawai Pertubuhan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Perkara yang akan diputuskan oleh Tribunal di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017

94. Tribunal yang ditubuhkan di bawah Bahagian VII Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 hendaklah mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa perkara berkenaan dengan Bahagian ini yang dirujuk kepada Tribunal oleh mana-mana orang.

BAHAGIAN IX**KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN****Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai**

95. (1) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dilantik di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*] hendaklah menjadi Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah bagi maksud Bahagian ini.

(2) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa, fungsi dan kewajipan di bawah Bahagian ini.

(3) Tertakluk kepada arahan am, kawalan dan penyeliaan Ketua Pengarah, mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 hendaklah menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Bahagian ini.

Fungsi Ketua Pengarah

96. Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah hendaklah mengawal selia pematuhan kewajipan oleh entiti kontrak dan pekerja gig berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seseorang pekerja gig.

Kuasa Ketua Pengarah

97. Ketua Pengarah hendaklah mempunyai arahan am, kawalan, kuasa dan penyeliaan bagi perkara yang berhubung dengan Bahagian ini.

Pemakaian Bahagian ini

98. Bahagian ini hendaklah terpakai kepada—

- (a) entiti kontrak selain seorang individu; dan
- (b) pekerja gig.

Pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa

99. Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah boleh melantik apa-apa bilangan pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa sebagaimana perlu.

Kad kuasa

100. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan kad kuasa kepada setiap pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa.

(2) Jika seorang pegawai penyiasat menjalankan apa-apa kuasa di bawah Bahagian ini, dia hendaklah atas permintaan, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu dilaksanakan, kad kuasa itu.

Kuasa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan

101. (1) Mana-mana pegawai yang dilantik sebagai pegawai penguat kuasa atau pegawai penyiasat di bawah Bahagian ini, hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan yang berkaitan dalam Bahagian ini;
- (b) untuk memasuki mana-mana premis dan untuk memeriksa apa-apa dokumen, rekod atau benda lain yang berkaitan untuk memastikan pematuhan terhadap mana-mana peruntukan yang berkaitan dalam Bahagian ini;
- (c) untuk menyita apa-apa dokumen, rekod atau benda lain yang berkaitan bagi maksud penyiasatan di bawah Bahagian ini; dan
- (d) untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Bahagian ini.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seorang pegawai penyiasat hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang apa jua pun pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan.

Pengkompaunan kesalahan

102. (1) Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa lanjutan masa sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah seksyen ini—

- (a) tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; dan
- (b) apa-apa dokumen atau benda yang disita yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini

103. (1) Bagi maksud Bahagian ini, entiti kontrak hendaklah—

- (a) menjalankan pentaksiran risiko dengan menilai risiko kepada keselamatan dan kesihatan yang timbul daripada bahaya semasa bekerja untuk menentukan dan melaksanakan langkah yang wajar bagi pengawalan risiko;
- (b) memastikan langkah keselamatan dan kesihatan yang mencukupi berkenaan dengan apa-apa peralatan dan kemudahan yang disediakan bagi kegunaan pekerja gig;
- (c) memastikan bahawa pekerja gig tidak terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan yang timbul daripada perkiraan dan proses yang disediakan oleh entiti kontrak semasa pekerja gig itu sedang melaksanakan perkhidmatannya;

- (d) memastikan bahawa pekerja gig mempunyai maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang mencukupi sebagaimana yang diperlukan yang timbul daripada pentaksiran risiko yang dijalankan bagi pekerja gig itu untuk melaksanakan perkhidmatannya;
- (e) membangunkan dan melaksanakan tatacara bagi menangani kecemasan yang mungkin timbul semasa pekerja gig sedang melaksanakan perkhidmatannya; dan
- (f) memberitahu Ketua Pengarah apa-apa kemalangan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku semasa pekerja gig itu sedang melaksanakan perkhidmatannya.

(2) Mana-mana entiti kontrak yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pekerja gig di bawah Bahagian ini

104. (1) Mana-mana pekerja gig hendaklah mematuhi—

- (a) apa-apa langkah keselamatan dan kesihatan yang disediakan oleh entiti kontrak di bawah perenggan 103(1)(b);
- (b) arahan yang diberikan oleh entiti kontrak di bawah perenggan 103(1)(d); dan
- (c) tatacara bagi menangani kecemasan di bawah perenggan 103(1)(e) yang dibangunkan atau dilaksanakan oleh entiti kontrak.

(2) Mana-mana pekerja gig yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Pekhidmat awam

105. Mana-mana pegawai semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

106. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana pegawai berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

BAHAGIAN X**PELBAGAI****Pendakwaan**

107. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini tanpa keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

Penalti am

108. Mana-mana orang yang melanggar—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (b) apa-apa saman, perintah atau arahan yang diberikan atau dibuat di bawah Akta ini,

yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.

109. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh suatu badan, diperbadankan atau didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis—

- (a) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang merupakan seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau mana-mana pegawai lain yang bertanggungjawab bagi pengurusan pertubuhan perbadanan pada masa pelakuan kesalahan;

- (b) dalam hal suatu perkongsian atau pemunya tunggal, tiap-tiap pekongsi dalam perkongsian atau pemunya tunggal pada masa pelakuan kesalahan; atau
- (c) dalam hal suatu persatuan atau pertubuhan atau mana-mana badan lain yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, presiden, pengerusi, setiausaha, bendahari atau pegawai lain yang seumpamanya bagi persatuan atau pertubuhan pada masa pelakuan kesalahan,

boleh dipertuduh secara bersesama atau berasingan dengan pertubuhan perbadanan, perkongsian, pemunya tunggal, persatuan atau pertubuhan atau mana-mana badan lain yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan jika pertubuhan perbadanan, perkongsian, pemunya tunggal, persatuan atau pertubuhan atau mana-mana badan lain yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu didapati bersalah atas kesalahan itu, orang yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c) hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah atau dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

Kuasa untuk meminda Jadual

110. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Kuasa untuk mengecualikan

111. Menteri boleh melalui perintah mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, mana-mana orang atau mana-mana golongan orang daripada mana-mana peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

112. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan —

- (a) tatacara bagi prosiding pendamaian dan apa-apa perkara yang berkaitan;
- (b) tatacara, prosiding dan fi di bawah Bahagian V;
- (c) kesalahan yang boleh dikompaun, borang yang digunakan, dan kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan di bawah Akta ini;
- (d) apa-apa perkara yang perlu ditetapkan oleh Menteri di bawah Bahagian VIII; dan
- (e) apa-apa perkara lain untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

JADUAL
[Seksyen 2]

(1) Bil.	(2) Perkhidmatan	(3) Pekerja gig yang berkenaan
1.	Lakonan	Pelakon
2.	Aktiviti perfileman	Petugas pengeluaran filem
3.	Aktiviti yang berkaitan dengan muzik	(a) penyanyi (b) pemuzik (c) penggubah (d) penulis lirik
4.	Estetik	(a) jurusolek (b) pendandan rambut (c) jurugaya

(1) Bil.	(2) Perkhidmatan	(3) Pekerja gig yang berkenaan
5.	Terjemahan	(a) jurubahasa isyarat (b) jurubahasa atau penterjemah (c) jurutrengkas
6.	Kewartawanan	(a) wartawan (b) pemberita sambilan
7.	Penjagaan atau rawatan sebelum dan selepas ibu bersalin	Pemberijagaan
8.	Penjagaan paliatif, orang tua dan pemulihan	Pemberijagaan
9.	Fotografi dan videografi	(a) jurugambar (b) juruvideo

HURAIAN

Akta Pekerja Gig 2025 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk melindungi hak pekerja gig, untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan entiti kontrak, untuk mengawal selia terma dan syarat perjanjian perkhidmatan yang dibuat antara entiti kontrak dengan pekerja gig, untuk mengadakan peruntukan bagi mekanisme penyelesaian pertikaian, untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Perundingan, untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Tribunal Pekerja Gig dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perjanjian perkhidmatan dan semua perkara yang berkaitan.
6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi terma dan syarat yang perlu dinyatakan dalam perjanjian perkhidmatan bagi maksud melindungi hak pekerja gig.
7. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kecualian perjanjian perkhidmatan sedia ada untuk memastikan bahawa mana-mana perjanjian perkhidmatan yang dibuat antara entiti kontrak dengan pekerja gig sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan yang masih mengikat pihak-pihak secara sah, untuk terus berkuat kuasa dan pihak-pihak hendaklah tertakluk dan berhak kepada faedah di bawah Akta yang dicadangkan.
8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa mana-mana terma dan syarat yang tidak memihak kepada pekerja gig di bawah perjanjian perkhidmatan hendaklah terbatal.
9. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa mana-mana terma dan syarat yang lebih memihak kepada pekerja gig berbanding mana-mana terma dan syarat di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi sah.
10. *Fasal 7* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan di bawah Akta yang dicadangkan, perkara itu tidak dihalang daripada diperuntukkan dalam perjanjian perkhidmatan atau dirundingkan antara entiti kontrak dengan pekerja gig.

BAHAGIAN III

11. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pekerja gig dan hak mereka yang dilindungi di bawah Akta yang dicadangkan.
12. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hak pekerja gig termasuklah hak tambahan jika entiti kontrak merupakan penyedia platform.
13. *Fasal 9* bertujuan untuk melarang entiti kontrak daripada menghalang hak pekerja gig untuk mempunyai perjanjian dengan pihak lain, mendiskriminasi mana-mana pekerja gig berkenaan dengan perjanjian perkhidmatan atau menamatkan perjanjian perkhidmatan dengan pekerja gig secara tidak adil.
14. *Fasal 10* bertujuan untuk melarang apa-apa terma dan syarat dalam perjanjian perkhidmatan yang bertujuan untuk menyekat atau tidak memasukkan hak pekerja gig untuk menyertai atau menubuhkan persatuan pekerja gig atau mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pekerja gig.

15. *Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hak kepada pendapatan bagi pekerja gig. Mana-mana orang yang tidak membayar pendapatan kepada pekerja gig dalam tempoh yang dinyatakan di bawah *fasal* ini melakukan suatu kesalahan.
16. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi potongan pendapatan, dan tip dan ganjaran pekerja gig.
17. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hak pekerja gig untuk meminta slip pendapatan.
18. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyahaktifan akses kepada sistem pengantara digital pekerja gig oleh penyedia platform.
19. *Fasal 15* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keutamaan atas tuntutan pemiutang bercagar daripada pendapatan kena dibayar kepada mana-mana pekerja gig berbanding hutang lain.
20. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan entiti kontrak untuk memenuhi hak pekerja gig sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IV

21. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan mekanisme kilan dalam dan proses pendamaian di bawah Akta yang dicadangkan.
22. *Fasal 17* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mekanisme kilan dalam yang hendaklah disediakan oleh entiti kontrak selain seorang individu atau pemunya tunggal.
23. *Fasal 18* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi rujukan pertikaian untuk pendamaian kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, Timbalan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan dan pegawai yang dilantik di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang hendaklah menjadi Pendamai di bawah Bahagian ini.
24. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi prosiding pendamaian.
25. *Fasal 20* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendamaian oleh Menteri.
26. *Fasal 21* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi ketidakpatuhan terma penyelesaian oleh mana-mana pihak yang telah mencapai persetujuan penyelesaian.

27. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua pegawai hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

28. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

BAHAGIAN V

29. BAHAGIAN V Akta yang dicadangkan memperkatakan Tribunal Pekerja Gig dan perkara berkaitan yang lain.

30. *Fasal 24* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Tribunal Pekerja Gig.

31. *Fasal 25* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Tribunal, terma jawatan dan elaun.

32. *Fasal 26* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penjalanan sementara fungsi Presiden oleh Timbalan Presiden.

33. *Fasal 27* bertujuan untuk memperuntukkan keadaan bagi pengosongan jawatan anggota Tribunal.

34. *Fasal 28* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan pelantikan seseorang anggota Tribunal.

35. *Fasal 29* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peletakan jawatan dan pengisian kekosongan Presiden, Timbalan Presiden, atau mana-mana anggota Tribunal.

36. *Fasal 30* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan pegawai lain Tribunal.

37. *Fasal 31* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi semua anggota dan pegawai Tribunal disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

38. *Fasal 32* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

39. *Fasal 33* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa dan kuasa Tribunal.

40. *Fasal 34* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi sidang Tribunal.

41. *Fasal 35* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Pendaftar untuk memberikan notis bertulis.

42. *Fasal 36* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hak untuk hadir semasa pendengaran Tribunal.

43. *Fasal 37* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendengaran Tribunal hendaklah diadakan secara terbuka.
44. *Fasal 38* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara Tribunal.
45. *Fasal 39* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Tribunal untuk mendengar dan memutuskan aduan di hadapannya tanpa kehadiran mana-mana pihak.
46. *Fasal 40* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keterangan yang boleh diterima oleh Tribunal.
47. *Fasal 41* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian keterangan dalam prosiding di hadapan Tribunal.
48. *Fasal 42* bertujuan untuk memberikan Tribunal kuasa untuk membuat award.
49. *Fasal 43* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa keputusan Tribunal hendaklah mengikat.
50. *Fasal 44* memperkatakan rayuan ke Mahkamah Tinggi.
51. *Fasal 45* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penalti jenayah kerana tidak mematuhi award.

BAHAGIAN VI

52. Bahagian VI Akta yang dicadangkan memperkatakan penubuhan, fungsi dan kuasa Majlis Perundingan.
53. *Fasal 46* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Perundingan.
54. *Fasal 47* menyatakan fungsi dan kuasa Majlis.
55. *Fasal 48* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Majlis untuk menjalankan fungsinya sebelum apa-apa syor dibuat oleh Majlis.
56. *Fasal 49* bertujuan untuk memberi Kerajaan kuasa untuk mempertimbangkan syor oleh Majlis.
57. *Fasal 50* memberi Menteri kuasa untuk membuat perintah.
58. *Fasal 51* mengandungi peruntukan tentang keanggotaan Majlis.
59. *Fasal 52* memperuntukkan keadaan apabila Timbalan Pengerusi bertindak sebagai Pengerusi Majlis.
60. *Fasal 53* memperuntukkan tanggungjawab Setiausaha Majlis.
61. *Fasal 54* memperkatakan tempoh jawatan anggota Majlis.

62. *Fasal 55* mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota Majlis.
63. *Fasal 56* mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan anggota Majlis dan peletakan jawatan mereka.
64. *Fasal 57* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keadaan pengosongan jawatan anggota Majlis.
65. *Fasal 58* memperkatakan mesyuarat Majlis.
66. *Fasal 59* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Majlis menyenggara dan menyimpan minit mesyuarat.
67. *Fasal 60* memberi Majlis kuasa untuk mengundang orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya.
68. *Fasal 61* memberi Majlis kuasa untuk menentukan tatacaranya sendiri.
69. *Fasal 62* memberi Majlis kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.
70. *Fasal 63* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi urus setia kepada Majlis.
71. *Fasal 64* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi obligasi kerahsiaan terhadap anggota Majlis atau jawatankuasa, pegawai Majlis, atau mana-mana orang yang mempunyai maklumat atau dokumen Majlis.
72. *Fasal 65* mengadakan peruntukan bagi penguntukan dana yang mencukupi kepada Majlis.
73. *Fasal 66* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesahan perbuatan dan prosiding di bawah Akta yang dicadangkan.
74. *Fasal 67* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi semua anggota Majlis atau jawatankuasa, atau pegawai Majlis disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.
75. *Fasal 68* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

BAHAGIAN VII

76. Bahagian VII Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pengawalseliaan dan penguatkuasaan Bahagian III, Bahagian V dan Bahagian VI.
77. *Fasal 69* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa, fungsi dan kewajipan Ketua Pengarah Tenaga Kerja bagi maksud memberi kesan kepada Bahagian ini.

78. *Fasal 70* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi Ketua Pengarah di bawah Bahagian ini.
79. *Fasal 71* bertujuan untuk untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Ketua Pengarah di bawah Bahagian ini.
80. *Fasal 72* memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh melantik apa-apa bilangan pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa sebagaimana perlu.
81. *Fasal 73* memperuntukkan bahawa setiap pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa hendaklah diberikan suatu kad kuasa.
82. *Fasal 74* bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai di bawah Bahagian ini dengan kuasa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan.
83. *Fasal 75* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan oleh Ketua Pengarah dengan izin bertulis Pendakwa Raya.
84. *Fasal 76* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua pegawai hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.
85. *Fasal 77* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

BAHAGIAN VIII

86. BAHAGIAN VIII Akta yang dicadangkan memperkatakan perlindungan keselamatan sosial.
87. *Fasal 78* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian ini.
88. *Fasal 79* bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial kuasa bagi pelaksanaan fungsi, kuasa dan kewajipan di bawah Bahagian ini.
89. *Fasal 80* bertujuan untuk memberi Pemeriksa kuasa bagi pelaksanaan fungsi, kuasa dan kewajipan di bawah Bahagian ini.
90. *Fasal 81* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Bahagian ini kepada entiti kontrak yang merupakan penyedia platform yang membuat perjanjian perkhidmatan dengan pekerja gig bagi pelaksanaan apa-apa perkhidmatan.
91. *Fasal 82* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hak pekerja gig di bawah Bahagian ini.
92. *Fasal 83* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini.
93. *Fasal 84* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi liabiliti entiti kontrak di bawah Bahagian ini.

94. *Fasal 85* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan memberi maklumat palsu.

95. *Fasal 86* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan tidak membayar caruman.

96. *Fasal 87* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perintah mahkamah berkenaan dengan caruman yang genap masa dan perlu dibayar kepada Pertubuhan.

97. *Fasal 88* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perbicaraan yang melibatkan lebih daripada satu kesalahan.

98. *Fasal 89* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi salinan catatan sebagai suatu keterangan *prima facie*.

99. *Fasal 90* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan.

100. *Fasal 91* bertujuan untuk memberi pegawai Pertubuhan kuasa untuk menyiasat kesalahan di bawah Bahagian ini.

101. *Fasal 92* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua pegawai Pertubuhan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

102. *Fasal 93* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

103. *Fasal 94* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Tribunal yang ditubuhkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 hendaklah mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa perkara berkenaan dengan Bahagian ini.

BAHAGIAN IX

104. Bahagian IX Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pekerja gig.

105. *Fasal 95* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa, fungsi dan kewajipan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi maksud memberi kesan kepada Bahagian ini.

106. *Fasal 96* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi Ketua Pengarah di bawah Bahagian ini.

107. *Fasal 97* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Ketua Pengarah di bawah Bahagian ini.

108. *Fasal 98* bertujuan untuk mengadakan peruntukan pemakaian Bahagian ini kepada entiti kontrak selain seorang individu, dan pekerja gig.

109. *Fasal 99* memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh melantik apa-apa bilangan pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa sebagaimana perlu.

110. *Fasal 100* memperuntukkan bahawa setiap pegawai penyiasat dan pegawai penguat kuasa hendaklah diberikan suatu kad kuasa.

111. *Fasal 101* bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai di bawah Bahagian ini dengan kuasa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan.

112. *Fasal 102* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan oleh Ketua Pengarah.

113. *Fasal 103* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini.

114. *Fasal 104* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan pekerja gig di bawah Bahagian ini.

115. *Fasal 105* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua pegawai hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

116. *Fasal 106* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

BAHAGIAN X

117. BAHAGIAN X memperkatakan peruntukan pelbagai.

118. *Fasal 107* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

119. *Fasal 108* bertujuan untuk mengadakan peruntukan penalti am.

120. *Fasal 109* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.

121. *Fasal 110* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual.

122. *Fasal 111* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan.

123. *Fasal 112* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.